



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 (PKP 2) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?

PERKARA	PKP	PKP 2	PKPD
PEMAKAIAN	Seluruh Negara	Seluruh Negara	Kawasan tertentu sahaja
TEMPOH KUATKUASA	18 Mac hingga 31 Mac 2020	1 April hingga 14 April 2020	2 minggu daripada tarikh perisytiharan
KAWALAN PERGERAKAN	Terhad mengikut keperluan	Pergerakan terhad mengikut masa dan sektor	Pergerakan tidak dibenarkan
ESSENTIAL SERVICES	22 Perkhidmatan Perlu	10 Sektor Kritikal	Semua premis perniagaan ditutup dengan beberapa pengecualian

2. Apakah sektor yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 2?

Hanya 10 perkhidmatan perlu dan rantaianya yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 2 adalah:

- a) Makanan
- b) Air
- c) Tenaga
- d) Komunikasi dan Internet
- e) Keselamatan dan Pertahanan
- f) Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Pembetulan
- g) Penjagaan Kesihatan dan Perubatan termasuk Penokok Diet
- h) Perbankan dan Kewangan
- i) E-dagang
- j) Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu

3. Perkhidmatan perlu (*essential services*) lain seperti pos, bomba, penjara, imigresen dan kastam tiada dalam 10 perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 2. Begitu juga halnya dengan perkhidmatan stesen minyak. Adakah semua perkhidmatan ini tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP 2?

Kesemua perkhidmatan tersebut dan perkhidmatan perlu (*essential services*) yang diumumkan semasa PKP masih dibenarkan beroperasi sekiranya termasuk dalam 10 perkhidmatan perlu dan rantaianya. Sebagai contoh, perkhidmatan pos termasuk dalam perkhidmatan perlu komunikasi dan juga logistik. Manakala perkhidmatan bomba, penjara, imigresen dan kastam termasuk dalam perkhidmatan perlu keselamatan dan pertahanan. Bagi perkhidmatan stesen minyak pula adalah dalam perkhidmatan perlu tenaga. Oleh itu, kesemua perkhidmatan ini dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 2.

4. Apakah tatacara kawalan dan pengoperasian bagi 10 sektor kritikal yang dibenarkan?

Kerajaan telah menetapkan tatacara kawalan dan pengoperasian seperti di **LAMPIRAN** yang disertakan.

5. Apakah konsep pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 (PKP 2)?

- a. Kawalan pergerakan akan dilaksanakan mengikut tempoh masa dan sektor kritikal yang ditetapkan; dan
- b. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di kawasan-kawasan atau lokaliti tertentu di dalam zon merah atas nasihat KKM apabila berlaku penularan mendadak dalam lokaliti tersebut.

6. Apakah definisi zon?

Definisi zon mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut:

- a. Zon Hijau – Kawasan yang tiada kes positif
- b. Zon Kuning - Kawasan yang mempunyai 1 – 20 kes positif
- c. Zon Jingga – Kawasan yang mempunyai 21 – 40 kes positif
- d. Zon Merah – Kawasan yang mempunyai lebih dari 40 kes positif

7. Adakah syarikat yang telah mendapat kelulusan semasa PKP terdahulu dan kini termasuk dalam kategori 10 sektor kritikal perlu mendapatkan kelulusan sekali lagi untuk beroperasi semasa PKP 2?

Tidak perlu. Segala kelulusan yang telah diberikan kepada syarikat semasa PKP dan kini tergolong dalam 10 sektor kritikal boleh terus menggunakan kelulusan yang sama semasa PKP 2. Perlu diingatkan agar memastikan kelulusan bertulis perlu bersamaan dengan jangkamasa PKP 2.


Catatan: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
2 APRIL 2020**

LAMPIRAN

**PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2
1 APRIL – 14 APRIL 2020**

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*) DALAM PKP TAHAP 2



***22 Perkhidmatan-Perkhidmatan Perlu di peringkat PKP Tahap 1 Dikurangkan Kepada 10 Sektor Kritikal**

TATACARA KAWALAN PERNIAGAAN MAKANAN & KEPERLUAN ASAS

PERKARA	TINDAKAN			
	KEDAI BARANGAN HARIAN	RESTORAN	PENGHANTARAN BERMOTOSIKAL	E-DAGANG
Waktu Operasi:	8.00 pagi - 8.00 malam	8.00 pagi - 8.00 malam	8.00 pagi - 8.00 malam	24 jam
Pengoperasian:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) 1 meter. 2. Kawalan jumlah pembeli yang munasabah dalam satu-satu masa. 3. Penetapan 1 pintu masuk dan 1 pintu keluar. 4. Had masa bagi setiap pembeli: 15 min (kedai runcit) dan 30 min (pasaraya). 5. Kawalan keselamatan oleh pemilik perniagaan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Dine-in</i> dan <i>drive-thru</i> tidak dibenarkan. 2. Hanya perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja dibenarkan (contoh <i>Foodpanda</i>, <i>Grabfood</i>, <i>KFC delivery</i>, <i>McD delivery</i> dan lain-lain). 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya untuk tujuan menghantar bahan makanan asas, makanan siap dimasak, hasil tani, tong gas dan ubat-ubatan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penghantaran dalam tempoh 8.00 pagi - 8.00 malam.
Kawalan Pembelian:	Seorang pembeli untuk satu isi rumah.			



TATACARA PENGOPERASIAN PUSAT JUALAN BARANGAN SEGAR TERKAWAL

PERKARA	TINDAKAN	
	Pusat Operasi / Pasar Tani Kekal (PTK) / MyFarm Outlet (MFO) / Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) - 87 Outlet di seluruh negara.	Pasar Tani Terpilih - 10 Outlet di seluruh negara (Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Sarawak (2), Terengganu, Selangor, Sabah dan Melaka (2)).
Waktu Operasi:	8.00 pagi – 4.00 petang (setiap hari)	8.00 pagi – 12.00 tengah hari (2 kali seminggu)
Pengoperasian:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diselaraskan oleh FAMA. 2. Lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti adalah bersesuaian bagi melaksanakan kawalan keselamatan berdasarkan PKP yang mengambil kira elemen-elemen penjarakan sosial (<i>social distancing</i>). 3. Komoditi utama jualan : sayur-sayuran / daging / ikan / telur / buah-buahan / ayam / barangan runcit / barangan asas tani. 4. Langkah-langkah kawalan : <ul style="list-style-type: none"> - tempat letak kenderaan yang luas. - membuat saringan suhu badan di laluan masuk untuk peniaga dan pengunjung. - jarak sekurang-kurangnya 1 meter bagi setiap pengunjung. - menghadkan bilangan pengunjung dalam kawasan jualan pada satu-satu masa. - pembelian dalam waktu yang singkat untuk barang keperluan sahaja. - galakan utama pembelian adalah melalui atas talian (www.agrobazaar.com.my / whatsapp secara pra-pesanan). - kedudukan antara gerai sekurang-kurangnya 5 meter. 5. Pelaksanaan berdasarkan konsep <i>pre-order / dropship / self pickup / drive-thru</i> dan penghantaran. 6. Laksanakan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) 1 meter. 7. Kawalan jumlah pengunjung yang munasabah dalam satu-satu masa. 8. Penetapan 1 pintu masuk dan 1 pintu keluar. 9. Kawalan keselamatan oleh PDRM, RELA & PBT. 	
Kawalan Pembelian:	Seorang pembeli untuk satu isi rumah.	

TATACARA PENGOPERASIAN PUSAT JUALAN BARANGAN SEGAR TERKAWAL

PERKARA	TINDAKAN	
	Pasar Borong di seluruh negara	Pasar Awam di seluruh negara
Waktu Operasi:	4.00 pagi – 10.00 pagi (setiap hari)	6.00 pagi – 12.00 tengah hari (setiap hari)
Pengoperasian:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan kawalan keselamatan berdasarkan PKP yang mengambil kira elemen-elemen penjarakan sosial (<i>social distancing</i>). 2. Komoditi utama jualan : sayur-sayuran / daging / ikan / telur / buah-buahan / ayam / barangan runcit. 3. Langkah-langkah kawalan : <ul style="list-style-type: none"> - tempat letak kenderaan yang luas. - membuat saringan suhu badan di laluan masuk untuk peniaga dan pengunjung. - jarak sekurang-kurangnya 1 meter bagi setiap pengunjung. - menghadkan bilangan pengunjung dalam kawasan jualan pada satu-satu masa. - pembelian dalam waktu yang singkat untuk barang keperluan sahaja. - laksanakan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) 1 meter. 4. Kawalan jumlah pengunjung yang munasabah dalam satu-satu masa. 5. Penetapan 1 pintu masuk dan 1 pintu keluar. 6. Kawalan keselamatan oleh PDRM, RELA & PBT. 	
Kawalan Pembelian:	Seorang pembeli untuk satu isi rumah.	



TATACARA PENGOPERASIAN PUSAT JUALAN BARANGAN SEGAR TERKAWAL

PERKARA	KAEDAH PEMBELIAN		
	PANDU LALU (<i>DRIVE-THRU</i>)	<i>WALK-IN</i>	<i>PRE-ORDER</i>
PELAKSANAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenderaan memasuki kawasan perniagaan. 2. Borang tempahan akan diserahkan kepada pengguna. 3. Pengguna menyerahkan borang tempahan kepada petugas. 4. Pengguna menunggu di kawasan yang disediakan. 5. Petugas akan menghubungi pengguna bagi pengambilan barang tempahan. 6. Bayaran terus dibuat semasa serahan dibuat. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenderaan masuk ke kawasan <i>parking</i> yang telah ditetapkan. 2. Pengunjung beratur dengan jarak 1 meter. 3. Pengunjung melepasi saringan suhu badan dengan bacaan tidak melebihi 37.5 darjah Celsius. 4. Menggunakan pembasmi kuman yang disediakan. 5. Masa dibenarkan selama 10 hingga 20 minit sahaja. 6. Pengunjung diminta membasmi kuman sebelum keluar. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pesanan akan dibuat melalui platform media sosial. 2. Pesanan akan dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. 3. Penghantaran akan dibuka pada hari berikutnya melalui : - <i>dropship</i> - <i>self pick up</i> 4. Bayaran akan dibuat di atas talian atau <i>Cash On Delivery</i> (COD).

TATACARA KAWALAN PERGERAKAN KENDERAAN PERSENDIRIAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN PENGANGKUTAN KOMERSIAL

PERKARA	TINDAKAN			
	PERSENDIRIAN	PENGANGKUTAN AWAM	PENGANGKUTAN KOMERSIAL	TEKSI DAN <i>E-HAILING</i>
Waktu Operasi:	6.00 pagi - 10.00 malam	6.00 pagi – 10.00 pagi 5.00 petang – 10.00 malam	7.00 malam - 7.00 pagi (Digalakkan)	6.00 pagi - 10.00 malam
Pengoperasian:	<ol style="list-style-type: none"> Hanya seorang iaitu pemandu sahaja dibenarkan untuk setiap kenderaan. Pengecualian diberikan hanya bagi kes kecemasan/ OKU/ ibu mengandung/ mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Bagi individu yang bekerja di luar masa yang ditetapkan (6.00 pagi – 10.00 malam), pihak majikan perlu mengeluarkan surat arahan bertugas. 	<ol style="list-style-type: none"> Hanya seorang pemandu dan jumlah penumpang yang dibenarkan adalah separuh dari kapasiti sebenar. 	<ol style="list-style-type: none"> Hanya bagi tujuan membawa bahan makanan, bahan asas makanan, keperluan asas, hasil tani, ubat-ubatan dan makanan bayi. Lori/Van/Wagon/Pikap kurang 2 tan: <ul style="list-style-type: none"> Seorang pemandu. Pengesahan/kebenaran bergerak oleh Jabatan dan Agensi MOA untuk membawa hasil tani. Lori / treler lebih 2 tan: <ul style="list-style-type: none"> Seorang pemandu dan seorang kelindan. Permit kebenaran membawa muatan dari MITI, KPDNHEP, MOA dan KKM. 	<ol style="list-style-type: none"> Kenderaan berkapasiti kurang daripada 7 orang: seorang pemandu dan seorang penumpang. Kenderaan berkapasiti lebih daripada 7 orang: seorang pemandu dan dua orang penumpang.
Lain-Lain	i. <i>Quick response</i> (pembaikan/ tunda) kenderaan rosak di tempat kejadian (<i>on-site</i>) dibenarkan.			



TATACARA KAWALAN OPERASI INDUSTRI DAN KILANG

PERKARA	TINDAKAN
Kebenaran Operasi:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesemua 10 sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Perlu dan rantaianya dibenarkan beroperasi. 2. Stesen minyak hanya dibenarkan beroperasi pada 8.00 pagi hingga 8.00 malam kecuali stesen minyak di lebuhraya (bagi kegunaan kenderaan komersial). 3. Segala kelulusan yang telah diberikan kepada 10 sektor perkhidmatan-perkhidmatan perlu boleh terus digunapakai dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 ini tertakluk kepada pematuhan syarat yang diberikan pada Tahap 1. 4. Segala perkhidmatan selain 10 sektor perkhidmatan yang dinyatakan, adalah tidak dibenarkan sama sekali dan kelulusan yang telah diberikan sebelum ini terbatal secara automatik.
Pengurusan tempat kerja:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) 1 meter. 2. Saringan suhu badan dilaksana di laluan masuk premis kerja (suhu badan dengan bacaan melebihi 37.5 darjah celsius dan ke atas tidak dibenarkan masuk). 3. Penetapan 1 pintu masuk dan 1 pintu keluar. 4. Kantin di dalam premis industri tidak dibenarkan beroperasi.
Pengurusan pekerja:	Bagi yang bekerja di luar masa yang ditetapkan (8.00 pagi – 8.00 malam), pihak industri dan kilang perlu menyediakan kemudahan pengangkutan dengan mengambil kira elemen-elemen penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) di dalam kenderaan.
Kawalan Keselamatan dan Pemantauan:	Pihak MITI / PDRM / RELA / PBT berkuasa membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan undang-undang.

TATACARA KAWALAN LAIN-LAIN

PERKARA	TINDAKAN		
	RIADAH & SOSIAL	KEBAJIKAN	LAIN-LAIN PERKHIDMATAN
Kebenaran Pengoperasian:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak dibenarkan sama ada di kawasan awam atau kawasan persendirian (<i>gated community</i>) 2. Kelonggaran bagi autism dan OKU untuk beriadah, hanya seorang waris sahaja dibenarkan sebagai teman. Waktu dibenarkan adalah pada 7.00 pagi hingga 9.00 pagi dan 5.00 petang hingga 6.00 petang. 3. Pengamal terapi persendirian dibenarkan membuat <i>house-call</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. NGO Tempatan: Diselaraskan oleh JKM & KPWKM. 2. NGO Antarabangsa & Kedutaan Asing: Permohonan kepada KLN dan perlu mendapatkan kelulusan MKN. Pihak JKM dan KPWKM akan menyelaras pengagihan bantuan tersebut. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembinaan dan pembaikan segera dibenarkan bagi kerja-kerja kritikal serta pembersihan dan penyemburan racun serangga bagi mengelakkan bahaya kepada orang awam. 2. Kerja-kerja penyelenggaraan kepada sepuluh (10) sektor kritikal perlu diteruskan 3. Penjualan kedai input pertanian (baja/racun) dibenarkan dibuka 2 kali seminggu. 4. Kedai <i>hardware</i> dibenarkan dibuka 2 kali seminggu. 5. Penjualan makanan haiwan kesayangan, makanan haiwan, ubatan dan keperluan berkaitan dibenarkan dibuka 2 kali seminggu. 6. Kedai menjual alat tukar ganti (jentera pertanian dan industri) dibenarkan beroperasi 2 kali seminggu.